

03 JUL 2001

Agong-Bush

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA BUSH SEMPENA HARI KEBANGSAAN AMERIKA

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah mengucapkan tahniah kepada Presiden George W. Bush sempena Hari Kebangsaan ke 225 Amerika Syarikat esok.

Baginda berdua berharap Presiden Bush akan menikmati kesihatan yang baik dan rakyat Amerika Syarikat pula akan melalui keamanan dan kemakmuran.

Satu salinan perutusan itu dikeluarkan kepada media oleh Wisma Putra di sini, hari ini.

Sementara itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan lebih kurang sama kepada Bush, menyatakan harapan yang hari penuh bermakna ini akan mencetuskan pemulihan kukuh ekonomi Amerika yang akan menyumbangkan dengan signifikan kepada kemakmuran semua negara.

Beliau berkata, Malaysia dan Amerika menikmati hubungan serta kerjasama ekonomi yang baik dan berharap dapat meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara di tahun-tahun akan datang.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusan kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat Collin Powell berkata beliau yakin hubungan dan kerjasama antara Kuala Lumpur dan Washington boleh diperkukuhkan lagi.

"Saya gembira kerana Amerika Syarikat dan Malaysia terus menikmati hubungan akrab dan saling menguntungkan," katanya.

-- BERNAMA

MAM ZS PR